



Lawatan daripada Unit Pusat Sumber Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Kampus Kota Bharu



Posted on [February 14, 2024](#)

by [Perpustakaan Tengku Anis UiTM Kelantan Kampus Machang](#)



Pada 13 Februari 2024, Perpustakaan Tengku Anis (PTA) telah menerima lawatan daripada Unit Pusat Sumber Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Kampus Kota Bharu seramai 5 orang staf unit tersebut. Tujuan lawatan ini adalah untuk berkongsi ilmu terutamanya mengenai pengurusan perpustakaan khususnya dari

aspek pengurusan koleksi bahan bacaan, perkhidmatan, sistem sirkulasi yang diaplikasikan di PTA dan lain-lain.

Lawatan ini dimulai dengan ucapan aluan daripada Puan Alina Hussein, Timbalan Ketua Pustakawan PTA dan diteruskan dengan taklimat perpustakaan dan arkib oleh Puan Norfitriah Mat Seman, taklimat koleksi bahan oleh Dr. Muslim Ismail dan taklimat sirkulasi oleh Puan Nordelina Zulkarnain, Pustakawan Kanan PTA.



Lawatan diakhiri dengan sesi 'library tour' di sekitar PTA. Pihak PTA mengucapkan terima kasih kepada Unit Pusat Sumber IPGM Kampus Kota Bharu di atas kesudian untuk mengunjungi PTA dan diharapkan agar melalui lawatan ilmiah ini dapat membantu sedikit sebanyak unit pusat sumber IPGM dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna perpustakaan institusi tersebut.





Disediakan oleh: Sazlina Saleh, Pembantu Pustakawan PTA UiTMCK Kampus Machang

POSTED UNDER **KAMPUS MACHANG, UITM KELANTAN** **LAWATAN**
LIBRARY OUTREACH **SESI PERKONGSIAN**
IPGM KOTA BHARU **LAWATAN PENANDARASAN** **SDG4**

← **Kelas Digital Percuma Canva (with Introduction to Canva AI)** **Lawatan daripada SK Changgai, Pasir Puteh ke Perpustakaan Tengku Anis** →



Perpustakaan Tengku Anis UiTM Kelantan Kampus Machang



Leave a Reply

Logged in as Perpustakaan Tengku Anis UiTM Kelantan Kampus Machang.

[Edit your profile](#). [Log out?](#) Required fields are marked *

COMMENT *